PENDAKWA RAYA

lwn.

ABD. AZIZ NASIR

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA THAMBY CHIK H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-32-89]
10 JANUARI 1991

PROSEDUR JENAYAH: *Mengedar dadah berbahaya - Identiti barang kes - Pengecaman barang kes - Merosakkan barang kes - Percanggahan di antara laporan polis dan keterangan saksi-saksi pihak pendakwa - Sikap sambil lewa - Tanpa berhati-hati - Rantaian keterangan - Kesenjangan jawapan pengadu - Inferens yang menentang - Tanggungjawab pegawai penyiasat - Akta Keterangan 1950, s. 114(h)*

Yang tertuduh A telah dituduh dengan mengedar dadah berbahaya heroin di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut). Heroin tersebut telah dijumpai pada 7 Julai 1989 di dalam dua bungkusan di atas riba A dan terkandung dalam sebuah beg hitam, P3, di sebuah gerai makan.

Dalam kehadiran tertuduh, SP4 telah membuka P3 dan mendapati di dalamnya 2 bungkusan - bungkusan pertama P4 mengandungi 15 peket dan bungkusan kedua P5 mengandungi 10 peket. SP2 berkata dalam P9, bahawa berat dadah ialah 80 gm; SP1 pegawai kimia, berkata berat dadah ialah 88.16 gm. (Setelah, SP2 telah membuat laporan polis dan menyerahkan A dan P3 dan kandungannya kepada SP6; SP6 telah mengakuterima barang tersebut melalui borang Akuan Penerimaan dan menyimpan P3 dan kandungannya di dalam kabinetnya yang dikunci. Selepas itu SP6 telah mengeluarkan semula P3 dan mengarahkan SP3 mengambil gambar barang kes P3 dan kandungannya. Kemudian, SP6 telah memasukkan 16 peket ke dalam bungkusan A dan 9 peket ke dalam bungkusan B dan seterusnya memasukkan A dan B ke dalam P3; P3 dimasukkan ke dalam sampul surat besar yang disimpan dan dikunci oleh SP6 dalam lacinya. Pada 14 Julai 1989, SP3 telah menyerahkan sampul surat tersebut kepada ahli kimia SP1. Sebelum kedua-dua pihak memulakan hujah pada peringkat *prima facie* Mahkamah telah memeriksa peket plastik bertanda A1 hingga A16 dan mendapati tandatangan SP2 dan tarikh pada peket-peket plastik tersebut kelihatan tidak jelas sekali; yang jelas hanya tanda merah sahaja. Biarpun begitu SP2 telah dapat mengecam peket-peket plastik yang ditandakannya A1-A15. SP2 tidak mengecam A16 dan memberi keterangan bahawa beliau tidak ada menulis A16 ke atas peket plastik tersebut.

Diputuskan:

[1] (a) Walaupun SP4 yang menangkap tertuduh dan merampas barang kes P3 dan kandungannya daripada tertuduh, pengadu dalam kes ini ialah SP2 dan SP2lah yang membuat laporan polis;

(b) Apa yang dilaporkannya di dalam P9 itu bercanggah pada beberapa perkara penting dengan keterangan lisannya di Mahkamah;

(c) Apabila SP2 dipanggil semula dalam pemeriksaan balas untuk menjelaskan perkara ini beliau hanya memberikan jawapan yang beliau tidak mahu menjawab lagi.

[2] (a) Dalam kes ini tidak seperti yang biasa berlaku, timbangan kasar pihak polis adalah lebih ringan (iaitu 8.16 gram) daripada timbangan bersih ahli kimia;

(b) Perbezaan 8.16 gram itu menimbulkan kemungkinan bahawa adanya kehadiran peket plastik berlainan yang dihantar kepada ahli kimia, memandangkan bahawa bungkusan P4 yang dihantar kepada ahli kimia mengandungi 16 peket plastik, pada hal SP2 memberi keterangan bahawa P4 mengandungi 15 peket plastik yang ditandakannnya sendiri dan bungkusan P5 yang dihantar kepada ahli kimia mengandungi 9 peket plastik pada hal SP2 memberi keterangan bahawa P5 mengandungi 10 peket plastik yang ditandakannya sendiri B1 hingga B10; diperhatikan bahawa dalam kes ini telah timbul peket plastik bertanda A16 sedangkan peket plastik yang bertanda B10 tidak ada langsung dikemukakan.

[3] (a) SP4 berkata bahawa dadah tersebut berserbuk berwarna merah jambu tetapi SP2 berkata dadah itu berketul-ketul kecil - oleh itu timbul isu identiti dadah berbahaya tersebut dalam bentuk apa sebenarnya dadah berbahaya yang dirampas daripada tertuduh;

(b) Perkara itu menjadi lebih ketara lagi memandangkan bahawa anggota polis yang menandakan dadah berbahaya tersebut dan yang menyerahkan kepada pegawai penyiasat bukannya pegawai yang merampas dadah tersebut tetapi adalah SP2 sendiri;

(c) Oleh kerana SP6 tidak mengecam A16 langsung, terdapat percanggahan keterangan berkaitan dengan peket plastik A16 di antara SP2 dan SP6;

(d) SP6 dengan menuliskan A16 ke atas peket plastik tersebut telah merosakkan barang kes yang menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini. Ini adalah satu perbuatan yang serius (serious) dan tidak boleh; dipandang ringan;

(e) Oleh kerana SP6 adalah pegawai penyiasat dalam kes ini, perbuatannya itu lebih mengecewakan apabila diambil kira bahawa terdapat beberapa anggapan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 di mana kalau tertuduh sabit kesalahannya, beliau akan menerima satu hukuman sahaja - hukuman gantung sampai mati;

(f) setidak-tidaknya dalam kes yang seberat ini SP6 sepatutnya lebih berhati-hati dan sepatutnya memanggil SP2 untuk mendapat penjelasan mengenai peket plastik A16. Sebagai pegawai penyiasat SP6 bertanggungjawab menjalankan penyiasatan dengan cermat dan teratur;

(g) Dalam P10, SP2 telah berkata bahawa bungkusan A mempunyai 15 peket plastik dan bungkusan B 10 peket plastik; tetapi SP1 telah memberi keterangan bahawa bungkusan A mengandungi 16 peket plastik dan bungkusan B 9 peket plastik; SP6 dalam keterangan dalam pemeriksaan utamanya tidak pula menjelaskan hal ini dan hanya dijelaskan dalam pemeriksaan balasnya. Oleh hal yang demikian ini telah menimbulkan suasana was-was mengenai identiti peket-peket plastik tersebut;

(h) berdasarkan jawapan SP2 kepada soalanbalas oleh peguam A, bahawa dia tidak mahu menjawab lagi, Mahkamah membuat inferens yang menentangnya di bawah s. 114(h) Akta Keterangan 1990 kerana SP2 adalah pengadu dalam kes ini dan merupakan saksi yang penting.

[4] (a) Cara kusut yang dilakukan dan sikap sambil lewa yang ditunjukkan oleh SP2 dan SP6 dalam mengendalikan barang kes P3 dan kandungannya yang menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini,sebelum diserahkan kepada SP1 telah menimbulkan kebarangkalian yang benar bahawa kandungan P3 adalah barang yang berlainan daripada barang yang dirampas di tempat kejadian;

(b) Keterangan pihak pendakwaan jauh kekurangan dan tidak mencukupi untuk membuktikan suatu kes *prima facie*. Lebih mengecewakan lagi apabila terdapat saksi-saksi pendakwa yang bersikap sambil lewa, dan telah memberikan keterangan tanpa berteliti dan berhati-hati terutamanya keterangan yang berkaitan dengan dadah heroin;

(c) Pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan keterangan untuk mewujudkan rantaian keterangan tidak terputus. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan akibat timbulnya kesenjangan (gap) dalam kes pendakwaan.

[Yang tertuduh dibebaskan.]

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 39B(1)(a), 39B(2)
Evidence 1950, s. 114illus.(h)

Bagi pihak pendakwa raya - Jalaluddin bin Salleh, Timbalan Pendakwa Raya
Bagi pihak tertuduh - Kuljit Singh; T/n. Manjit Singh Sachdev Mohd Radzi & Partners

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik H:

Dalam kes ini tertuduh telah dituduh mengedar dadah berbahaya iaitu heroin seberat 18.49 gram berlawanan dengan s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980). Sekiranya sabit kesalahan, hukuman mati adalah mandatori di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Dalam kes ini, dadah berbahaya itu telah dijumpai di atas riba tertuduh terkandung dalam sebuah beg hitam (P3) di sebuah gerai makan di Jalan Kampong Pandan, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Akan tetapi, berlandaskan keterangan yang dibentangkan di Mahkamah, saya mendapati pihak pendakwaan gagal menyamai kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan.

Dalam perbicaraan, DPC 69574 Ismail bin Shaari (SP4) telah memberi keterangan bahawa selepas membuat perhatian rapi dari jarak 100 kaki dari gerai di mana tertuduh duduk di sebuah meja bersama-sama dengan tiga orang lelaki lain, beliau telah menghampiri meja tersebut dan mengenalkan diri sebagai anggota polis dengan menunjukkan kad kuasanya kepada tertuduh, lalu memegangnya dan merampas sebuah beg bimbit berwarna hitam (P3) yang sedang dipegang oleh tertuduh dan terletak di atas ribanya. Seterusnya SP4 memberi keterangan bahawa dalam kehadiran tertuduh beliau telah membuka P3 yang diletakkan di atas meja tersebut dan mendapati di dalamnya dua bungkusan dibuat daripada suratkhabar Cina. Bungkusan pertama (P4) mengandungi 15 peket plastik yang berisi bahan serbuk berwarna merah jambu dan bungkusan kedua (P5) mengandungi 10 peket plastik yang berisi bahan serbuk berwarna merah jambu juga. Kemudian SP4 telah menangkap tertuduh. Pada masa yang sama DLC 53735 Johari bin Chin (SP2) dan DPC 67469 Hassan bin Sulaiman pun tiba dan menangkap ketiga-tiga orang lelaki Melayu yang lain itu. SP4 telah membawa barang kes P3 dan kandungannya balik ke pejabat CAD bersama-sama dengan SP2 dan dua tangkapan manakala DPC 67469 Hassan b. Sulaiman membawa balik dua tangkapan lagi. Di pejabat, SP2 telah membuat laporan polis iaitu Cheras Report 6738/89 (P9). Di pejabat, SP2 telah menyerahkan tertuduh dan barang kes P3 dan kandungannya serta tiga tangkapan lain kepada pegawai penyiasat Insp. Lee Hung Weng (SP6). SP6 memberi keterangan bahawa beliau telah menerima dua bungkusan dibuat daripada suratkhabar Cina, masing-masing berisi 15 peket plastik dan 10 peket plastik yang kesemuanya disyaki dadah heroin yang diakuterimanya melalui borang Akuan Penerimaan (P10). SP6 memberi keterangan bahawa beliau telah

menyimpan barang kes P3 dan kandungannya di dalam kabinetnya dan dikunci. Semua kejadian ini berlaku pada 7 Julai 1989. Seterusnya SP6 memberi keterangan bahawa beliau telah mengeluarkan semula barang kes P3 dan mengarahkan DLC 58855 Mohd. Asri b. Zainuddin (SP3) mengambil gambar barang kes P3 dan kandungannya. SP6 memberi keterangan lagi bahawa kemudian beliau telah memasukkan 16 peket plastik ke dalam bungkusan yang ditandai 'A' dan 9 peket plastik ke dalam bungkusan yang ditandai 'B' dan seterusnya memasukkan kedua-dua bungkusan 'A' dan 'B' tadi ke dalam beg bimbit hitam (P3) itu dan akhirnya P3 itu dimasukkan ke dalam satu sampul surat besar yang dilekatkan dengan pateri meterai PDRM 422 dan menuliskan nombor repot dan nama pegawai penyiasat di atasnya. SP6 memberi keterangan bahawa sesudah itu beliau telah menyimpan sampul surat besar tersebut di dalam lacinya dan dikunci dan pada 14 Julai 1989 beliau telah mengeluarkan semula sampul surat besar itu dan diserahkan kepada Chan Kee Bian (SP1) seorang ahli kimia di Jabatan Kimia Petaling Jaya.

Dapat diperhatikan dalam keterangan pihak pendakwaan seperti yang tertera di atas bahawa walaupun SP4 yang menangkap tertuduh dan merampas barang kes P3 dan kandungannya daripada tertuduh, pengadu dalam kes ini ialah SP2 dan SP2lah yang membuat laporan polis Cheras Repot 6738/89 (P9). Dan apa yang dilaporkannya di dalam P9 itu bercanggah pada beberapa perkara penting dengan keterangan lisannya di Mahkamah. Dalam Mahkamah SP2 memberi keterangan bahawa beliau tidak nampak tertuduh memegang beg bimbit hitam (P3) semasa tertuduh dan tiga orang lelaki Melayu tersebut duduk di meja di gerai makan tersebut sedangkan dalam P9 SP2 melaporkan:

> Setelah memperkenalkan diri sebagai polis, salah seorang daripada lelaki Melayu yang saya dapati sedang memegang satu beg yang berwarna hitam,

(Baris 5-7). Dalam Mahkamah SP2 memberi keterangan bahawa beliau telah membuat dua kali perhatian rapi sebelum menyerbu gerai makan tersebut sedangkan dalam P9 SP2 tidak ada langsung melaporkan tindakan perhatian rapi tersebut. Apabila SP2 dipanggil semula dalam pemeriksaan balas untuk menjelaskan perkara ini beliau hanya memberikan jawapan yang beliau tidak mahu menjawab lagi.

Berkaitan dengan 25 peket plastik yang berisi dadah berbahaya yang terkandung di dalam dua bungkusan yang dibuat daripada suratkhabar Cina itu, terdapat perbezaan beratnya, SP2 melaporkan dalam P9,

> Dadah yang dirampas setelah ditimbang AB : 80 GM

(baris 2-3 halaman 2) sedangkan ahli kimia SP1 memberi keterangan bahawa kesemua 25 peket plastik tersebut berjumlah berat 88.16 gram (bersih) iaitu lebih berat daripada berat kasar yang didapati oleh SP2. Saya sedar bahawa timbangan oleh pihak polis yang biasanya menimbang dadah berbahaya yang dirampas bersama-sama dengan pembungkusnya sekali, adalah timbangan kasar sahaja dan tidaklah seteliti timbangan yang dilakukan oleh ahli kimia di dalam makmalnya. Dan lagi timbangan kasar pihak polis itu pada lazimnya adalah lebih berat daripada timbangan bersih ahli kimia. Akan tetapi dalam kes ini tidak seperti yang biasa berlaku, timbangan kasar pihak polis adalah lebih ringan iaitu 8.16 gram daripada timbangan bersih ahli kimia. Perbezaan 8.16 gram itu menimbulkan kemungkinan bahawa adanya kehadiran peket plastik berlainan yang dihantar kepada ahli kimia, memandangkan bahawa bungkusan P4 yang dihantar kepada ahli kimia mengandungi 16 peket plastik, pada hal SP2 memberi keterangan bahawa P4 mengandungi 15 peket plastik yang ditandakannnya sendiri A1 hingga A15 dan bungkusan P5 yang dihantar kepada ahli kimia mengandungi 9 peket plastik pada hal SP2 memberi keterangan bahawa P5 mengandungi 10 peket plastik yang ditandakannya sendiri B1 hingga B10. Dapat diperhatikan dalam kes ini telah timbul peket plastik bertanda A16 sedangkan peket plastik yang bertanda B10 tidak ada langsung dikemukakan.

Dapat diperhatikan juga dalam keterangan bahawa yang merampas kedua-dua bungkusan yang mengandungi 25 peket plastik tersebut daripada riba tertuduh ialah SP4 dan SP4 telah memperihalkan dadah berbahaya itu berserbuk berwarna merah jambu sedangkan ketua pasukan polis yang melakukan serbuan tersebut iaitu SP2 memperihalkan dadah berbahaya itu berketul-ketul kecil. Oleh kerana itu telah timbul isu identiti dadah berbahaya tersebut dalam bentuk apa sebenarnya dadah berbahaya yang dirampas daripada tertuduh. Perkara itu menjadi lebih ketara lagi memandangkan bahawa anggota polis yang menandakan dadah berbahaya tersebut dan yang menyerahkan kepada pegawai penyiasat bukannya pegawai yang merampas dadah tersebut tetapi adalah SP2 sendiri.

Yang melemahkan kes pihak pendakwaan dan akhirnya telah membawa padah ialah barang kes P4P iaitu peket plastik bertanda A16. Persoalannya ialah dari mana datangnya peket plastik A16. SP2 memberi keterangan bahawa bungkusan pertama mengandungi 15 peket plastik dan beliau telah menandakan dengan A1 hingga A15 dengan membubuh tandatangannya berserta tarikh. Pada peringkat ini, adalah sesuai bagi saya menyebut satu perkara iaitu sebelum kedua-dua pihak memulakan hujah pada peringkat *prima facie* Mahkamah telah memeriksa peket plastik bertanda A1 hingga A16 (P4A-P) dan mendapati tandatangan SP2 dan tarikh pada peket-peket plastik tersebut kelihatan tidak jelas sekali; yang jelas hanya tanda merah sahaja. Biarpun begitu SP2 telah dapat mengecam peket-peket plastik yang ditandakannya A1-A15 (P4A-O). SP2 tidak mengecam A16 (P4P) dan memberi keterangan bahawa beliau tidak ada menulis A16 ke atas peket plastik tersebut. Meskipun SP6 mengakui bahawa beliaulah yang menulis A16 ke atas peket plastik tersebut beliau selanjutnya memberi keterangan bahawa di atas peket plastik A16 tertulis tandatangan SP2 berserta tarikh walaupun ini tidak jelas kelihatan. Tetapi SP2 tidak mengecam peket plastik A16 langsung. Jadinya terdapat percanggahan keterangan berkaitan dengan peket plastik A16 di antara SP2 dengan SP6. Berbalik semula persoalannya ialah dari mana datangnya peket plastik A16. Berkait rapat dengan peket plastik A16 ini ialah pengakuan SP6 bahawa beliaulah yang menandakan A16 ke atas peket plastik tersebut. Hakikatnya di sini ialah SP6 dengan menuliskan A16 ke atas peket plastik tersebut telah merosakkan barang kes yang menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini. Ini adalah satu perbuatan yang serius (serious) dan tidak boleh dipandang ringan. Lebih-lebih lagi SP6 adalah pegawai penyiasat dalam kes ini. Perbuatan SP6 itu lebih mengecewakan lagi apabila diambil kira bahawa terdapat beberapa anggapan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 di mana kalau tertuduh sabit kesalahannya, beliau akan menerima satu hukuman sahaja - hukuman gantung sampai mati. Setidak-tidaknya dalam kes yang seberat ini SP6 sepatutnya lebih berhati-hati dan sepatutnya memanggil SP2 untuk mendapat penjelasan mengenai peket plastik A16. Sebagai pegawai penyiasat SP6 bertanggungjawab menjalankan penyiasatan dengan cermat dan teratur.

Dapat diperhatikan dalam Borang Akuan Penerimaan barang kes (P10) yang disediakan dan ditandatangani oleh pegawai penyiasat SP6 dan diserahkan kepada ketua pasukan polis yang membuat serbuan iaitu SP2 yang juga menandatangani P10 tersebut:

> Satu beg warna hitam di dalamnya mengandungi 2 bungkusan keratan akhbar bahasa Cina. Bungkusan pertama: bertandakan 'A' mengandungi 15 peket plastik disyaki dadah heroin. Bungkusan kedua bertandakan 'B' mengandungi 10 peket plastik disyaki dadah heroin. Jumlah sebanyak 25 peket.

Tetapi SP1 ahli kimia memberi keterangan bahawa bungkusan 'A' mengandungi 16 peket plastik dan bungkusan 'B' mengandungi 9 peket plastik dan SP6 dalam keterangan dalam pemeriksaan utamanya tidak pula menjelaskan hal ini dan hanya dijelaskan dalam pemeriksaan balasnya. Oleh hal yang demikian ini telah menimbulkan suasana was-was mengenai identiti peket-peket plastik tersebut.

Akhir sekali SP2 adalah pengadu dalam kes ini. Beliau adalah saksi yang penting dalam kes ini. Bila disoalbalas oleh peguambela bagi pihak tertuduh mengapa beliau tidak menyebut perhatian rapi yang dijalankan di dalam laporan polisnya (P9) beliau menjawab:

> Pada pukul 6.00 saya cuma buat pemerhatian. Saya tak mahu jawab lagi.

Berhubung dengan jawapan itu, saya membuat inferens yang menentang terhadapnya di bawah s. 114(h) Akta Keterangan 1950.

Cara kusut yang dilakukan dan sikap sambil lewa yang ditunjukkan oleh SP2 dan SP6 dalam mengendalikan barang kes P3 dan kandungannya yang menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini, sebelum diserahkan kepada SP1 telah menimbulkan kebarangkalian yang benar bahawa kandungan P3 adalah barang yang berlainan daripada barang yang dirampas di tempat kejadian.

Dengan berasaskan fakta-fakta yang disebutkan di atas saya membuat keputusan bahawa keterangan pihak pendakwaan jauh kekurangan dan tidak mencukupi untuk membuktikan suatu kes *prima facie*. Lebih mengecewakan lagi apabila terdapat saksi-saksi pendakwa yang bersikap sambil lewa, dan telah memberikan keterangan tanpa berteliti dan berhati-hati terutamanya keterangan yang berkaitan dengan dadah heroin yang menjadi hal perkara atau tajuk pertuduhan dalam kes ini.

Tambahan lagi pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan keterangan untuk mewujudkan rantaian keterangan tidak terputus. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan akibat timbulnya kesenjangan (gap) dalam kes pendakwaan.

Oleh hal yang demikian, saya membebaskan dan melepaskan tertuduh tanpa dipanggil membela diri.

Also found at [1991] 2 CLJ 919